

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 MARCH 2017

Dr. Mahathir perlu cermin diri, tiada pendirian

um- 26/3/2017

KOTA BHARU 25 Mac- Pemimpin-pemimpin kanan Pas hari ini tampil mengecam kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mendakwa parti itu sebagai keliru di bawah pentadbiran Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Bagi mereka, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sepatutnya mencerminkan diri terlebih dahulu sebelum mengeluarkan kenyataan tersebut yang disifatkan cukup biadab.

Naib Presiden Pas, **Datuk Mohamad Amar Nik Abdullah** berkata, Dr. Mahathir sebenarnya yang keliru, tidak ada pendirian serta hilang arah tuju selepas keluar dari UMNO dan menubuhkan parti baharu.

“Sebenarnya tindakan Dr. Mahathir itu lebih kepada individu yang kecewa kerana ada sesuatu yang dia mahu tetapi tidak tercapai. Untuk menutup kekecewaan itu, dia menuduh Pas hilang pendirian.

“Pas sejak dahulu sehingga

kini tidak pernah berubah meskipun pimpinan utama bertukar ganti. Kita sentiasa konsisten dan istiqamah dalam perjuangan menegakkan Islam.

“Tidak wujud isu Pas tiada pendirian atau hilang arah sebagaimana yang didakwa Dr. Mahathir kerana beliau sebenarnya yang tiada pendirian dalam perjuangan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pas Kawasan Pasir Mas di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir yang memperlekeh Abdul Hadi apabila menyifatkan Presiden Pas itu kurang karisma berbanding kepimpinan terdahulu parti



MOHAMAD AMAR



IDRIS AHMAD

tersebut.

Bekas Presiden UMNO itu dilaporkan berkata, Pas kini sebuah parti yang keliru di bawah pentadbiran Abdul Hadi berbanding ketika era Allahyarham Datuk Fadzil Mohd. Noor dan Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Sementara itu, seorang lagi Naib Presiden Pas, **Idris Ahmad** berkata, rakyat boleh menilai sendiri kenyataan Dr. Mahathir memandangkan bekas Perdana Menteri itu telah banyak melakukan kezaliman di zaman pemerintahannya.

“Terpulanglah pada dia (Dr. Mahathir) hendak kata apa. Apa yang penting kami tidak pernah melakukan kezaliman, penjarakan orang dan pelbagai lagi kezaliman,” ka-

tanya diketika ditemui pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pas Kawasan Tumpat hari ini.

Dalam pada itu, Ketua Dewan Pemuda Pas, **Nik Mohamad Abdul Nik Abdul Aziz** pula berkata, Dr. Mahathir sebenarnya yang keliru apabila sering kali keluar masuk parti lain.

Katanya, beliau juga hairan bagaimana Dr. Mahathir boleh mengeluarkan kenyataan sedemikian sedangkan semua rakyat tahu bahawa Pas adalah satu-satunya parti yang terus istiqamah dalam perjuangan sehingga hari ini.

“Lagipun, Dr. Mahathir tidak boleh membandingkan cara pentadbiran Abdul Hadi dengan Allahyarham Nik Abdul Aziz atau Fadzil Noor kerana mereka masing-masing mempunyai cara pentadbiran tersendiri.

“Apa yang penting, kesemua mereka mempunyai perjuangan yang sama, berpendirian teguh dan istiqamah dalam perjuangan Islam,” katanya.